

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JULAI 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Malaysia negara terbaik Indeks Peralihan Tenaga WEF

Malaysia negara terbaik Indeks Peralihan Tenaga WEF

PETALING JAYA — Malaysia diiktiraf sebagai negara terbaik di Asia Tenggara dalam Indeks Peralihan Tenaga oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) baru-baru ini, yang mengambil kira prestasi sistem dan kesedian negara untuk beralih ke sumber tenaga yang lebih mesra alam.

Menyatakan hal ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pencapaian itu menunjukkan Malaysia berada di landasan yang tepat bagi pengurusan peralihan tenaga yang pantas, selamat dan berpatutan.

"Malaysia juga mempunyai pelbagai kelebihan seperti lokasi yang strategik, sumber tenaga boleh baharu (TBB) yang pelbagai dan tahap kemahiran yang tinggi untuk menjadi peneraju serantau dalam bidang peralihan tenaga.

"Malaysia dijangka mampu meraih peluang untuk menarik pelaburan global dalam sektor teknologi bersih yang telah mencapai RM5 trilion pada 2022," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam kenyataan yang sama, Rafizi menambah, Kementerian Ekonomi akan meluncurkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1 pada program Invest Malaysia KL 2023 Special Series anjuran Bursa Malaysia di Kuala Lumpur pada 27 Julai ini.

Jelasnya, NETR akan mengumumkan pelaksanaan 10 projek rintis perdana yang dijangka menjana pelaburan berjumlah RM25 bilion, pewujudan 23,000 peluang pekerjaan berkualiti serta pengurangan pelepasan karbon dioksida setara melebihi 10,000 gigagram setahun secara kumulatif.

"Sejumlah RM637 bilion pelaburan diperlukan bagi peningkatan TBB sehingga tahun 2050 yang merangkumi sumber penjanaan TBB, pengukuhkan infrastruktur grid termasuk sambungan tara, integrasi sistem penstoran tenaga dan kos operasi sistem rangkaian grid," katanya.



KERAJAAN menyasarkan kapasiti terpasang tenaga boleh baharu negara akan mencecah paras 40 peratus pada tahun 2035, sebelum mencapai 70 peratus menjelang 2050. — GAMBAR HIASAN